

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Welcome Centre
Sent: Tuesday, 1 August, 2017 3:53 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: DARI PANTAI TIMUR KE UTARA SMK WAKAF BHARU GANDAKAN USAHA



01 OGOS 2017 / 08 ZULKAEDAH 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

DARI PANTAI TIMUR KE UTARA SMK WAKAF BHARU GANDAKAN USAHA



ANJUNG TAMU ONLINE: Salam dari rombongan Pantai Timur menyinari pagi untuk meningkatkan ilmu pengetahuan di UUM. Sekolah Menengah Kebangsaan Wakaf Bharu (SMKWB), Kelantan melihat pendidikan merupakan kunci kejayaan suatu bangsa. Bila suatu bangsa berilmu, bangsa tersebut dijadikan contoh bagi bangsa lain.

Justeru, 65 pelajar bersama 3 guru SMKWB melipatgandakan usaha dan peluang Discover UUM bagi meningkatkan pengetahuan dan pengalaman dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Akademik (JHEA) serta Pusat Pengajian Pengurusan Industri Kreatif & Seni Persembahan (SCIMPA).

Fasiliti yang dipamerkan di galeri atau Rumah Tengah UUM Welcome Centre menjadi daya tarikan. Kelihatan mereka serius ketika mendengar taklimat umum yang diberikan di samping pelbagai pertanyaan silih berganti dikemukakan.

Selain adunan dekorasi di rimba hijau yang terdapat di setiap penjuru menarik hati mereka, kegemaran bergambar kenangan membuktikan bahawa apa yang tersedia di kampus sudah pasti meruntum jiwa mereka.

Menurut Guru Penolong Kanan Tingkatan Enam, Mohd Syukri Abd. Aziz yang mengetuai rombongan ini,

"Pelajar-pelajar dan guru-guru berasa kagum dengan persekitaran UUM sebagai universiti di rimba hijau."

"Bekas pelajar SMK Wakaf Bharu ramai yang melanjutkan pelajaran ke UUM," tambah beliau dengan nada gembira.

Dalam pada itu, Varsity Mall dan Masjid Sultan Badlishah UUM menjadi destinasi terakhir rombongan Pantai Timur ke universiti pengurusan di Utara. Harapan supaya jalinan ilmu yang tidak terputus dengan mereka sebagai permulaan yang baik untuk mengukuhkan motivasi generasi masa kini pada nilai-nilai ilmu, budi, bakti.

=====

DARIPADA:
ANJUNG TAMU
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
CANSELORI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)
TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098
FAKS: 04-928 3095
E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.